

18/03/2001

Bahaya berlembut dengan yang cabar hukum

MINGGU ini Kiau nak cakap sikit lagi tentang hukum dan adat. Macam Kiau kata minggu lalu, dalam tamadun Melayu, adat bererti undang-undang, hukum-hakam dan peraturan.

Atas dasar inilah, tamadun Melayu dibina dan untuk sekian lama kuat dan harum. Hanya bila orang Melayu lupa hukum dan adat, mereka mula jadi lemah.

Maka orang Melayu terima hukum 'biar mati anak jangan mati adat' dan 'raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah'.

Maksudnya bukan kita biarkan anak kita mati semata-mata kerana kita utamakan adat dan kita lawan raja-raja kita kerana tak suka kepada mereka.

Maksud sebenarnya ialah kalau anak kita langgar adat (undang-undang) dan hukumnya hukuman mati, maka matilah anak kita itu kerana undang-undang wajib dipatuhi.

Begitu juga dengan raja-raja kita. Kita sembah raja-raja kita kerana mereka berlaku adil. Kitalah antara bangsa terawal yang buat kontrak dengan raja.

Tapi nampaknya akhir-akhir ini, ada segelintir orang kita bukan saja tidak peduli lagi adat resam, malah mereka terang-terang ajar orang Melayu kurang ajar dan suruh orang Melayu langgar undang-undang.

Mereka buang adat resam macam mereka lempar surat khabar lama dan mereka peluk rapat-rapat 'the coded language of the West' seperti demokrasi, hak asasi, reformasi dan globalisasi.

Mereka begitu taksud dengan Barat dan begitu ghairah hendak berkuasa sampai sanggup nafikan hak majoriti. Mereka cakap mengenai demokrasi tapi tolak prinsipnya.

Sebaliknya, mereka pilih tunjuk perasaan dan keganasan untuk jatuhkan kerajaan yang dipilih oleh majoriti dalam pilihan raya.

Kiau hairan macam mana orang dan parti yang dakwa demokratik, liberal, intelektual dan perjuangkan keadilan boleh dengan begitu mudah tolak keputusan majoriti.

Kiau hairan macam mana orang yang kononnya 'civilised' (bertamadun) boleh pilih politik jananan daripada proses pilihan raya.

Tetapi Kiau lebih hairan macam mana orang begini boleh bergerak bebas ke hulu hilir, pergi ke merata dunia untuk caci dan cerca negara sendiri masih bebas. Bukankah ini perbuatan khianat? Hukum khianat sangat berat.

Kiau nak tanya Menteri Dalam Negeri apa dah jadi dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)? Apa pasal berlembut sangat dengan anasir-anasir ini? Kalau mereka betul-betul demokratik, mereka berjuanglah secara demokratik. Bukan mereka tak ada peluang. Dalam pilihan raya umum tahun 1999 mereka menang besar.

Tapi nampaknya mereka tak puas hati dan tak sabar. Mereka tidak mahu tunggu pilihan raya sekali lagi. Mereka nak gulingkan kerajaan secara haram sekarang juga.

Bagi Kiau, serang-menyerang dan bunuh-membunuh bukan demokrasi dan bukan hak asasi. Demokrasi ialah rakyat pilih kerajaan dalam pilihan raya dan kerajaan wajib jaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Tengok sajalah percubaan mereka menaikkan lagi kemarahan orang ramai dengan mempertikai angka kematian dan kecederaan dalam pergaduhan di Jalan Klang Lama dua minggu lalu. Mereka cuba dapatkan habuan politik daripada satu tragedi.

Kiau rasa rakyat Malaysia, khasnya orang Melayu, janganlah mudah sangat

terperangkap dengan gunakan bahasa berkod mereka seperti demokrasi, hak asasi, reformasi dan globalisasi.

Kalau kita tidak faham dan tidak awas, kita akan terperangkap. Tengok sajalah apa yang jadi dengan Indonesia yang termakan hasutan Barat. Kiau tak kata salah Indonesia amal demokrasi. Tapi Indonesia yang kononnya demokratik dan reformis lebih teruk daripada Indonesia di zaman diktator.

Terlanjur cakap pasal hukum dan adat, Kiau rasa wajib pemimpin kanan Umno, khasnya Presiden dan Timbalan Presiden, jauhkan diri daripada pertandingan bahagian yang akan berjalan tak lama lagi.

Kalau ada calon yang guna nama mereka, mereka wajib dedah. Sekarang pun kita dah dengar macam-macam cerita kedai kopi sampai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kena bagi amaran jangan guna nama beliau atau nama isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, untuk dapat pencalonan dan undi.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pun dah bagi amaran yang sama. Kiau lebih takut orang guna nama Pak Lah. Maklumlah ada orang sangka dia 'Mr Nice' dan dia tidak akan ambil tindakan.

Kalau Pak Lah tak ambil tindakan, Kiau cabar dia ambil tindakan. Tapi Kiau yakin Kiau tak perlu cabar dia. Kiau yakin dia akan ambil tindakan tegas ke atas sesiapa saja yang guna nama dia, tak kira suku-sakat, tak kira tokoh korporat atau orang melarat.

Satu hal lagi, orang yang ada maklumat janganlah cakap di kedai kopi atau tulis surat layang saja. Mereka hendaklah berani berdiri atas kebenaran. Kalau ada yang kenduri besar, bawa perwakilan melawat Medan atau bagi kupon makan, mereka wajib lapor kepada Lembaga Disiplin Umno.

Kalau nak lapor juga kepada ACA, itu hak mereka.

(END)